

# PROJEK BANTUAN SUMBANGAN KASIH SEMPENA MERAIAKAN AIDILFITRI



**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) (kiri sekali)** pada Projek Bantuan Sumbangan Kasih tersebut.

**BELAIT**, Rabu, 12 Mei. - Projek Bantuan Sumbangan Kasih dianjurkan buat kali kelima, iaitu sumbangan barang berupa makanan asasi, hamper, minuman dan sampul raya anjuran Kelab Budaya Mukun Selendang Sutera Brunei.

Projek berkenaan merupakan kerjasama Persatuan

Orang-Orang Tiong Hua Daerah Belait dan Kumpulan Dikir Asy Syuhada Daerah Belait sempena menjelang Hari Raya Aidilfitri bagi sama-sama meraikannya.

Hadir menyampaikan bantuan tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid

**Berita dan Foto :**  
Noraisah Haji Muhammed

bin Haji Mumin selaku Penghulu Mukim Liang juga Penasihat 1 Mukun Selendang Sutera Brunei.

Sementara, bantuan makanan asasi disampaikan oleh Timbalan Pengarah Persatuan Orang-Orang Tiong Hua Daerah Belait, Awang Yang Chow Min dan Pengerusi Kumpulan Dikir Asy Syuhada Daerah Belait, Dayang Zainah binti Haji Daud.

Turut menyampaikan sumbangan, Ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman selaku Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong bagi Peringkat Daerah Brunei dan Muara (DBM), baru-baru ini.

Hadir sama pada majlis penyampaian bantuan tersebut, Yang Dipertua Mukun Selendang Sutera Brunei, Awang Irwan Rino bin Nordin; Naib Yang Dipertua Mukun Selendang Sutera Brunei, Awang Morney bin Amat juga selaku Pengerusi Kelab Budaya Mukun Selendang Sutera Brunei; dan Komiti Pengurusan Mukun Selendang



**YANG Berhormat Ahli MMN (dua, kanan)** semasa menyampaikan sumbangan pada Projek Bantuan Sumbangan Kasih tersebut.

Sutera Brunei, Awang Mohamad bin Abdullah.

Terdahulu, Projek Bantuan Sumbangan Kasih sempena menjelang Hari Raya bagi peringkat DBM juga menyumbangkan bantuan kepada salah seorang Ahli Kelab Budaya Mukun Selendang Sutera Brunei, pelakon dan pelawak tanah air, Dayang Hajah Kasumawati binti Haji Buntar,

yang dikenali sebagai Dang Kasum yang kini telah uzur dan sebagai inisiatif bagi mengenang jasa beliau.

Penyerahan tersebut berlangsung di rumah kediaman beliau di Kampung Sungai Besar, Jalan Kota Batu.

Projek tersebut diungkayahkan adalah juga bersempena dengan Ulang Tahun Penubuhan Mukun Selendang Sutera Brunei.

## Tanamkan nilai keprihatinan, pemedulian



**REKTOR** Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada sesi bergambar ramai dan menyerahkan sumbangan, berupa sebuah hamper Aidilfitri, di samping barang keperluan makanan asasi kepada penerima, yang terdiri daripada Alumni UNISSA terpilih (atas dan kanan), sementara gambar bawah, antara penerima pada Program Jawlah Syawal 1442H tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 12 Mei. - Dalam usaha meningkatkan sikap keprihatinan dan pemedulian kepada masyarakat serta meraih keberkatan pada bulan suci Ramadan yang mulia ini, Persatuan Alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan Program Jawlah

### Syawal 1442H.

Program ini merupakan aktiviti berkebajikan yang julung kali diadakan oleh persatuan ini dan bertujuan untuk membantu golongan yang memerlukan dan kurang berkemampuan dalam kalangan alumni UNISSA sendiri.

Atur cara pengagihan sumbangan dimulai dengan

bacaan doa, diikuti dengan ucapan dari Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfani bin Haji Zainal. Dalam ucapan, beliau dengan sukacita menyambut baik program yang sangat bermanfaat dan berkebajikan tersebut.

Seramai sembilan orang penerima yang terdiri daripada Alumni UNISSA terpilih menerima sumbangan berupa sebuah hamper Aidilfitri di samping keperluan makanan asasi.

Sumbangan tersebut merupakan hasil daripada Alumni UNISSA bermula April lepas pada perkara kemasyarakatan dan penuh berkebajikan ini.

Antara lain, tujuan program ini diadakan adalah sebagai inisiatif Persatuan Alumni UNISSA khususnya dan umumnya kepada warga UNISSA bagi sama-sama membantu dan meringankan beban keluarga yang kurang bernasib baik di samping untuk menanamkan nilai keprihatinan dan pemedulian serta sikap bekerjasama dalam kalangan ahli Persatuan Alumni UNISSA pada perkara kemasyarakatan.



**Siaran Akhbar dan Foto :** Universiti Islam Sultan Sharif Ali



Turut hadir ke majlis tersebut, Penolong Rektor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UNISSA, Dr. Hajah Lilly binti Haji Shamsu; Pemangku Dekan Hal Ehwal Pelajar, Nurhafizatuhikmah binti Haji Serbini; Pegawai Kaunseling, Bahagian Hal Ehwal Pelajar

UNISSA, Norasadiyah binti Matarsad; Pegawai Ugama UNISSA, Pengiran Daud bin Pengiran Matassan dan Ahli Jawatankuasa Kerja Tertinggi Persatuan Alumni UNISSA serta mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

**Selamatkan Usus Awda.**

*Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.*

Kementerian Kesihatan  
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppk.gov.bn](http://www.ppk.gov.bn)

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Alhamdulillah Usus Awda

\*Sasaran pemeriksaan:  
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.